

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM SEMAK SEMULA KADAR ASAS DAN KADAR PEMBIAYAAN ASAS

KUALA LUMPUR, Khamis, [12 Mei 2022]: Sejar dengan pengumuman langkah terbaharu Bank Negara Malaysia (BNM) meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas (bps) daripada 1.75% kepada 2.00%, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) perlu menyemak semula Kadar Asas (BR) dan Kadar Pembiayaan Asas (BFR) sebanyak **25 bps** masing-masing ke **2.77%** dan **5.72%**.

Pada masa sama, kadar deposit Bank Islam juga akan diselaraskan ke atas sebanyak 25 bps. Kesemua perubahan ini akan berkuat kuasa **17 Mei 2022**.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Semakan semula itu sejar dengan langkah terbaharu BNM untuk meningkatkan OPR sebanyak 25 mata asas daripada 1.75% kepada 2.00%.

"Bank Islam amat peka akan cabaran semasa yang dihadapi pelanggan dan memberi jaminan bahawa bantuan kewangan kami kekal tersedia bagi membantu para pelanggan mengukuhkan kedudukan kewangan mereka."

Semakan terakhir BR Bank Islam telah dilaksanakan pada 10 Julai 2020, iaitu penurunan daripada 2.77% kepada 2.52%, manakala BFR diturunkan daripada 5.72% kepada 5.47%.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rohazida Mohamed Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rohazidam@bankislam.com.my	Omar Atin Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my
---	---

